

BAB 2

WEI YUN DAN FANG BEIFANG: RIWAYAT HIDUP DAN KRONOLOGI KEGIATAN PENERBITAN

2.1 Pengenalan

Fang Beifang dan Wei Yun merupakan dua orang tokoh sastra yang mendapat sanjungan tinggi dalam KMM. Kedua-dua tokoh ini pernah mendapat "Anugerah Sastra Mahua" yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Kuala Lumpur dan Selangor (吉隆坡及雪兰莪中华工商会), iaitu Fang Beifang pada tahun 1989 dan Wei Yun pada 1991. Anugerah ini merupakan anugerah kehormat yang tertinggi dalam perkembangan KMM.¹

Dalam perkembangan KMM, Fang Beifang dan Wei Yun merupakan pelopor sastra yang unggul. Mereka adalah penulis yang berpegang teguh kepada prinsip mereka, iaitu gigih dalam menghasilkan karya. Sejak tahun 20-an lagi, mereka telah menceburi bidang penulisan dan masih teguh hati menulis sehingga tahun 80-an.

¹ Wu Defang 吴德芳 yang merupakan ketua bagi bahagian pendidikan dan kebudayaan, Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Kuala Lumpur dan Selangor (1989: 5), telah mengatakan bahawa "Anugerah Sastra Mahua" merupakan suatu perkara yang terunggul dalam anera KMM dan buat pertama kali hadiah ini dianugerahkan dalam perkembangan sejarah KMM selama 70 tahun. Rujuk Penerbitan Khas "Anugerah Sastra Mahua".

2.2 Wei Yun - Biodata dan Penglibatannya dalam Kesusasteraan

Nama asal Wei Yun² ialah Ou Wenzhuang 区文庄. Beliau dilahirkan pada 15 Februari 1913 di Hong Kong. Nenek moyangnya berasal dari daerah Ji Ning 济宁, provinsi Shandong 山东, China. Ayahnya seorang saudagar, dan keluarganya adalah golongan bourgeois ataupun golongan pertengahan. Beliau menamatkan persekolahan rendah dan menengahnya di Hong Kong. Semasa di Sekolah Menengah Cina Awam (官立汉文中学 *Guanli Hanwen Zhongxue*), Hong Kong (kini dikenali sebagai Sekolah Menengah *Jin Wen Tai* 金文泰)³, beliau telah mula menghayati bahan-bahan kesusasteraan. Disebabkan pengaruh daripada rakan sebaya serta seniornya, beliau telah banyak menelaah novel Cina moden.

Pada peringkat sekolah menengah, beliau telah mula menceburi arena penciptaan karya sastera. Hasil karya beliau disiarkan dalam *Huaqiao ribao* 华侨日报 dan *Daguang bao* 大光报 di Hong Kong. Selepas tamat persekolahan menengah, beliau melanjutkan pelajarannya di Institut Seni Lukis Guangzhou (广州美专 *Guangzhou Meizhuan*).

² Wei Yun adalah nama samarannya. Beliau pernah menggunakan lebih daripada 10 nama samaran, termasuklah Shangguang Zhi 上官豸, Qin Xi 秦系, Han Bing 韩兵, Ye Jia 叶葭, Chen Kuai 陈侔, Gao Lang 高浪, Shan Jianyi 山戈一, Ding Feng 丁风, Wang Du 王都, Sha Ye 沙耶, Wei Duo 韦多, Shan Xia 山霞, Cao Da 曹答, Ke Chong 柯冲, Bu Yi 卜一 dan sebagainya.. Rujuk Ma Lun, 1991: 328-329.

³ Sebutan mengikut sistem pinyin.

Semasa di institut itu, Wei Yun dipengaruhi oleh beberapa penulis sastera Cina moden yang terkenal di China pada ketika itu seperti Yu Dafu 郁达夫, Xu Dishan 许地山, Hu Chunbing 胡春冰 dan Chen Zhongfan 陈钟凡.⁴ Berikutan itu, beliau telah mencungkil bakat diri dalam arena kesusasteraan dan bergait secara aktif dalam bidang penulisan.

Beliau pernah menjadi editor kepada *Yishu zhanxian* 艺术战线, iaitu majalah yang diterbitkan oleh Persatuan Pelajar Institut Seni Lukis Guangzhou. Pada masa itu juga, beliau bersama dengan beberapa rakan telah mengasaskan Persatuan Sastera *Lusi She* 露丝社 dan menerbitkan Mingguan *Lusi* sebagai suplemen dalam *Guomin ribao*. Banyak karya rakan-rakannya di Persatuan tersebut dimuatkan dalam Mingguan *Lusi*. Keadaan ini mendorongkan beliau dalam menghasilkan karya sastera lagi.

Selepas menamatkan pengajian di Institut Seni Lukis Guangzhou, beliau mengalami suatu pengalaman yang baru, iaitu menjadi seorang askar. Oleh kerana keadaan hidup di kem tentera tidak mengizinkan beliau menulis atau

⁴ Yu Dafu (1896-1945), merupakan penulis yang penting dalam perkembangan sejarah Sastera Moden China. Karyanya *Chenlun* 沉沦 (Kemunduran) sangat mendapat perhatian orang ramai pada awalan tahun sembilan puluhan (1917-1927). Xu Dishan (1893-1941), berlainan dengan penulis yang lain, karya beliau kaya dengan unsur keagamaan. Ini disebabkan oleh latarbelakang keluarganya yang tebal dengan agama Buddha. Tambahan pula beliau dipengaruhi oleh agama Kristian semasa muda. Contoh hasil karyanya yang berunsur keagamaan ialah *Zhuiwang lao zhu* 缀网劳蛛 (Lelabah) (yang berunsur agama Buddha) dan *Jiefang zhe* 解放者 (Kebebasan) (yang berunsur agama Kristian). Rujuk CT Hsia, 1985: 71-78; 88-94.

menerbitkan karya, penghasilan karya pada masa itu tidak begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, pengalaman hidup yang berwarna-warni serta merantau ke merata-rata tempat semasa menjadi seorang askar telah banyak memberi ilham kepada beliau dalam penciptaannya kelak. Contohnya, dalam antologi prosa *Donghai, xihai* 东海, 西海 (Laut Timur, Laut Barat), beliau menyatakan bahawa kebanyakan gambaran dan peristiwa yang diceritakan dalam novelnya *Huanxiang yuan* 还乡原 (Impian Yang Hancur) adalah berlandaskan kehidupan beliau sewaktu menjadi askar itu (1962: 118).

Pada tahun 1937 beliau berhijrah ke Singapura dan menghasilkan prosa pertama yang berjudul *Nandu* 南渡 (Perjalanan ke Selatan).⁵ Akan tetapi beliau tidak bermastautin lama di Singapura dan tidak lama kemudian beliau terus berhijrah ke Kuantan. Di situ, beliau menjadi seorang guru. Pengalaman hidup sebagai seorang guru memberi lebih banyak ruang dan masa kepada beliau untuk terus berkarya. Sejak itu, penghasilan karya beliau amat menggalakkan baik dari segi mutu, atau kuantiti. Banyak karyanya telah dimuatkan dalam beberapa akhbar tempatan, seperti suplemen *Shisheng* 狮声 dalam *Nanyang Siang Pau*, suplemen *Shiji feng* 世纪风 dalam *Zonghui xinbao* 总会新报, suplemen *Xinliu* 新流 dalam *Xin guomin ribao* dan majalah sastera, iaitu *Nanyang zhoukan* 南洋周刊 dan *Wenyi changcheng* 文艺长城.

⁵ Prosa ini disiarkan dalam suplemen *Chenxing* 晨星 dalam *Sin Chew Jit Poh* 星洲日报.

Sebelum Perang Dunia Kedua, beliau menggunakan nama samaran Shangguan Zhi 上官豸 dalam penghasilan karya cerpen. Antara karya cerpen yang dihasilkannya pada tahun 1937 sehingga 1942 adalah *Chouhen* 仇恨 (Pemusuhan), *Fei yingxiong shilue* 非英雄史略 (Kisah Perantau), *Xiaoguitou Sunsan* 小鬼头孙三 (Sun San), *Nongcun shijian* 农村事件 (Peristiwa Kampung), *Canye* 残夜 (Sisa-sisa Malam), *Qingchun cao* 青春草 (Rumput Remaja) *Pinshi xingpin* 贫士行品 (Tingkah Laku Pelajar Miskin), *Milou xiaoji* 迷楼小记 (Catatan Sesat di Menara), *Anle tu* 安乐土 (Bumi Bahagia) dan sebagainya.

Hasil karya cerpen Wei Yun sebelum perang dianggap bermutu tinggi dan mendapat perhatian daripada pengkritik kesusasteraan pada masa itu. Menurut Zhao Rong 赵戎 (1920-1988),⁶ pengaruh Wei Yun terhadap KMM pada masa sebelum Perang Dunia Kedua amat ternyata, dan ramai penulis cuba mempelajari teknik persembahan dan gaya penulisannya. Malahan beliau memberi penilaian yang tinggi terhadap Wei Yun:

⁶Zhao Rong ialah sasterawan KMM. Beliau dilahirkan di Singapura pada tahun 1920. Nama asalnya ialah Zhao Dacheng 赵大成. Semasa belasan tahun, beliau telah mula menceburi dalam dunia penulisan. Beliau pernah menjadi editor bagi bahagian sejarah dan prosa *Xinma huawen wenxue daxi* 新马华文文学大系 (Siri Kesusasteraan Bahasa Cina Singapura dan Malaysia). Hasil karya beliau yang dibukukan juga banyak iaitu terdapat lapan buku karya fiksiyen. Beliau juga giat menghasilkan karya kritikan sastera, antaranya yang penting seperti *Lun mahua zuojia yu zuopin* 论马华作家与作品 (Perbincangan Karya Sastera dan Penulis KMM), *Zhaorong wenyi lunwen ji* 赵戎文艺论文集 (Antologi Esei Kesusasteraan Zhaorong), *Zhaorong wenyi piping ji* 赵戎文艺批评集 (Antologi Kritikan Sastera Zhaorong). Beliau meninggal dunia pada 27 Julai 1988 akibat penyakit kanser. Rujuk Ma Lun, 1991: 440-441.

Di kalangan penulis yang datang dari negeri China, seperti Lin Cantian 林参天, Qiu Jiachen 丘家珍, Wang Gekong 王哥空, Zhang Yiqian 张一倩, Tie Kang 铁抗, Jing Ding 金丁 dan sebagainya, tiada seorang pun yang dapat bertanding dengan Wei Yun yang sangat diminati oleh pembaca. Adalah didapati hasil karya mereka sama ada dari segi gaya kesenian atau tema tulisan, tidak setanding dengan Wei Yun (Zhao, 1967: 45).

Semasa pendudukan Jepun (1942-1945), kekejaman dan layanan buruk pemerintah Jepun terhadap penulis tempatan telah menyebabkan Wei Yun terpaksa berhenti menulis. Kehidupannya pada masa itu juga kelihatan terumbang-ambing kerana pekerjaannya tidak tetap. Walau bagaimanapun, pengalaman hidup beliau pada masa itu telah banyak memberi ilham dalam penulisannya. Beliau pernah menjaja di pasar. Pada akhir tempoh Perang Dunia Kedua, beliau bercucuk tanam di Dinding, Perak. Melalui antologi prosa *Donghai, xihai*, dapat diketahui bahawa beliau pernah tinggal di Pulau Pangkor semasa Perang Dunia Kedua (Lihat Wei, 1962: 119). Setelah Perang Dunia Kedua melabuhkan tirai, beliau sekali lagi merantau ke Singapura dan memulakan penulisannya di situ. Hasil karyanya disiarkan di suplemen *Chenxing* 晨星 dalam akhbar *Sin Chew Jit Poh*. Pada masa itu, Wei Yun juga melibatkan diri dalam aktiviti kesusasteraan. Pada tahun 1945, beliau menjadi ahli Pertubuhan Sastera *Jiu Yi She* 九一社 (kemudiannya bertukar menjadi *Lushe* 绿社).⁷ Pada akhir tahun 1945, beliau telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa yang pertama bagi Persatuan Penulis-penulis Malaya-Singapura. Pada tahun 50-an, beliau

⁷ Sebutan mengikut sistem pinyin.

pernah menjadi editor kepada siri buku *Daowai wenyi* 岛外文艺 dan siri buku *Zhongxuesheng wenyi* 中学生文艺 serta penyunting majalah *Xinye* 新野.

Di antara tahun 1948-1953, beliau banyak bertukar pekerjaan: mulanya beliau mengajar di Pantai Timur, kemudiannya beliau mengadu nasib sebagai seorang editor majalah dan buku teks serta menguruskan pembalakan di Kuantan; beliau juga pernah menjadi pengurus syarikat bus dan lain-lain lagi. Pengalaman hidup yang beraneka, pekerjaan yang pelbagai serta penghijrahannya merangsangkan pemikiran beliau dan turut mempengaruhi penulisan pada hari kemudiannya.

Secara keseluruhannya, Wei Yun menghasilkan lima buah novel, tujuh buah antologi cerpen, sebuah antologi prosa, dan sebuah kritikan kesusasteraan. Jadual 3 di muka surat 49 menunjukkan senarai hasil karyanya:

Jadual 3: Senarai Karya Wei Yun yang Dibukukan

Tahun	Tajuk	Penerbit
<u>Novel/Novela</u>		
1958	<i>Huanxiang yuan</i> 还乡原, (Impian Yang Terhancur)	Qingnian Shuju 青年书局, Singapura
1960	<i>Qiantan</i> 浅滩 (Beting)	Qingnian Shuju, Singapura
1961	<i>Jingji cong</i> 荆棘丛 (Ranjau Kehidupan)	Shanghai Shuju 上海书局, Hong Kong
1981	<i>Yunshiyuan</i> 陨石原 (Cita-cita Yang Terhampa)	Persatuan Penulis – penulis Aliran Cina Malaysia, Kuala Lumpur
1997	<i>Hai bubian</i> 海不变 (Kekalan Lautan)	Yee Tsua Publishing House, Kuala Lumpur
<u>Antologi cerpen</u>		
1956	<i>Wuya gangshang huanghun</i> 乌鸦港上黄昏 (Senja di Pelabuhan Gagak)	Wenhua Gongyingshe 文化供应社, Kuala Lumpur
1958	<i>Dumenchao</i> 都门抄 (Corak-carik Di Ibu Kota)	Wenhua Gongyingshe 文化供应社, Kuala Lumpur
1959	<i>Jiudi</i> 旧地 (Tanah Kenangan)	Dongnanya Shuju 东南亚书局, Hong Kong
1971	<i>Chunbingji</i> 春冰集 (Salji di Musim Semi)	Xinshe 新社, Singapura.
1986	Wei Yun <i>Xiaoshuoxuan</i> 韦晕小说选 (Pilihan Cerpen Wei Yun)	Persekutuan Persatuan Hokkien Malaysia dan Persatuan Hokkien Selangor.
1986	<i>Jibozhan</i> 寄泊站 Tempat Persinggahan)	Syarikat Penerbit Malaya, Petaling Jaya
1991	<i>Rian, Kusike</i> 日安库斯科	Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia, Kuala Lumpur
1998	<i>Liu xia</i> 流霞 (Gemawan)	Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia, Kuala Lumpur
<u>Antologi prosa</u>		
1962	<i>Donghai xihai</i> 东海, 西海 (Laut Timur, Laut Barat)	Weihua Chubanshe 维华出版社
-	<i>Yema suifeng</i> 野马随风 (Lenyap Mengikut Angin)	Educational Publications Bureau, Singapura
1998	<i>Yu chen ji</i> 余尘集 (Antologi Jejak Warisan)	Yee Tsua Publishing House, Kuala Lumpur
<u>Esei kritikan</u>		
1985	<i>Wenyuan sanye</i> 文苑散叶 (Serpihan Dedaun)	Syarikat Penerbit Tieshanni 铁山泥, Kuala Lumpur

Selain daripada yang dibukukan, hasil karya Wei Yun juga dipilih serta dimuatkan dalam beberapa koleksi buku. Sebagai contoh, cerpennya *Fei yingxiong shilue* 非英雄史略 (Kisah Perantau) dipilih dan dimuatkan dalam *Mahua xinwenxue daxi - xiaoshuoji* 马华新文学大系 - 小说集 (Koleksi KMM-Antologi Fiksyen). *Xinma huawen wenxue daxi- xiaoshuoji* 新马华文文学大系-小说集 (Koleksi Sastera Bahasa Cina Malaysia Singapura-Antologi Fiksyen) pula memuatkan cerpennya seperti *Wuya gangshang huanghun* 乌鸦港上黄 (Senja di Pelabuhan Gagak), *Huanxiang yuan* 还乡原 (Impian Yang Terhancur), *Leng Zhongqiu* 冷中秋 (Kesepian Bulan Purnama), *Qichi* 栖迟 (Kepulangan yang Lewat), *Jianbie* 饯别 (Majlis Perpisahan), *Baomu* 薄暮 (Penderitaan Seorang Perantau Tua), dan *Yinmou* 阴谋 (Pakat Sulit).⁸

Wei Yun boleh dikatakan seorang penulis yang sangat aktif dalam aktiviti kesusasteraan. Jadual 4 dalam muka surat sebelah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang disertai oleh Wei Yun.

⁸ *Mahua xinwenxue daxi xiaoshuoji* 马华新文学大系 - 小说集 (Koleksi KMM-Antologi Fiksyen) disunting oleh Fang Xiu, sementara *Xinma huawen wenxue daxi-xiaoshuoji* 新马华文文学大系-小说集 (Koleksi Sastera Bahasa Cina Malaysia Singapura-Antologi Fiksyen) disunting oleh Meng Yi 孟毅.

Jadual 4: Penglibatan Wei Yun dalam Aktiviti Sastera

<i>Tahun</i>	<i>Aktiviti</i>
1978	Menjadi ahli jawatankuasa Bahagian Jemaah Koleksi Buku Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
8 April 1978	Memberi ceramah bertajuk “Pengalaman Mengarang” di Kem Kesusasteraan, anjuran Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
1982	Menjadi hakim pena peraduan cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia bersama dengan Akhbar <i>Tongbao</i> 通报
27 Disember 1982	Memberi ceramah berjudul “Arah Perkembangan Kesusasteraan Cina Kelak” 华文文学未来的趋向 di Kem Kesusasteraan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia, Persatuan Alumni Chung Ling Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kuala Lumpur, Persatuan Bekas Pelajar-pelajar <i>Binhua</i> 滨华 Selangor serta Akhbar <i>Tongbao</i>
24 April 1983	Menjadi pensyarah bagi “Kelas Menulis” yang pertama anjuran Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
6 November 1983	Memberi ceramah khas “Pengusaha-pengusaha Kesusasteraan Mahua pada akhir tahun 30-an” 卅年代后期马华文艺工作者表现 dalam pameran Bahan Sejarah Kesusasteraan Mahua yang dianjurkan oleh Dewan Kesatuan Orang-orang Cina Selangor 雪兰莪中华大会堂
23 Jun 1985	Menjadi pensyarah bagi “Kelas Menulis” yang ketiga anjuran Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
25 Ogos 1985	Memberi ceramah dalam Seminar Kesusasteraan anjuran Persatuan Pengajian Kesusasteraan dan Seni Lukis Perak 霹雳文艺研究会 yang Berjudul <i>Wo de chuanguzuo jingyan</i> 我的创作经验 (Pengalaman Saya Sebagai Pengarang)
4-6 April 1987	Memberi ceramah berjudul <i>Cong xiandai sanwen tanqi</i> 从现代散文谈起 (Perbincangan Prosa Moden)
28 Mei- 7 Jun 1987	Diundang menghadiri serta membentang kertas kerja dalam Seminar Kesusasteraan Cina Antarabangsa Kedua di Singapura

Dari Jadual 4 kita dapati bahawa selain daripada mengarang, Wei Yun juga tidak ketinggalan berkongsi pengalamannya dengan penulis lain dengan memberi ceramah atau menjadi pensyarah dalam kem kesusasteraan.

Boleh dikatakan Wei Yun merupakan seorang tokoh KMM yang disanjung tinggi. Penghasilan karyanya sangat menggalakkan sama ada dari segi kualiti mahupun kuantitinya. Beliau kelihatan terus mengarang walaupun usianya telah menjangkau lebih daripada 70 tahun. Keutuhan dan kegigihan dalam penghasilan karya serta penglibatan diri dalam aktiviti kesusasteraan telah menyebabkan beliau dihargai dan disanjung tinggi oleh penulis tempatan ataupun antarabangsa. Beliau pernah dianugerahi "Anugerah Sastera Mahua" pada tahun 1991 oleh Persatuan Perdagangan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor. Penghargaan ini adalah penghargaan yang tertinggi dalam kesusasteraan tempatan. Di peringkat antarabangsa pula beliau mendapat Penganugerahan Kesusasteraan ASEAN pada tahun 1996. Beliau telah meninggal dunia pada 1 Jun 1996 berusia 83 tahun.

2.3 Fang Beifang - Biodata dan Penglibatannya dalam Arena Kesusasteraan

Fang Beifang 方北方⁹ dengan nama asalnya Fang Zuobin 方作斌, dilahirkan pada tahun 1918 di daerah Huilai 惠来, provinsi Guangdong 广东, China. Beliau adalah anak tunggal kepada Fang Mingyang 方明阳 dan Zheng Xianghu 郑象湖. Semasa kecil, keadaan keluarga beliau agak miskin. Bapanya selalu menganggur dan segala tanggungjawab penyaraan keluarga dipikul oleh ibunya. Pada masa itu juga sering berlaku kekacauan di seluruh negeri China termasuk di tempat tinggal mereka.¹⁰ Keadaan huru-hara masyarakat turut mempengaruhi kehidupan keluarganya. Pengalaman hidup yang pahit semasa kecil itu telah tertanam di lubuk hati beliau semasa kecil lagi dan dijadikan bahan penulisan pada hari kelak.

Pada tahun 1928, beliau bersama dengan abang saudaranya datang ke Pulau Pinang, Tanah Melayu dan menumpang di rumah bapa saudaranya. Pada tahun itu juga bapanya meninggal dunia.

⁹ Fang Beifang adalah nama samarannya. Beliau juga mempunyai beberapa nama samaran lain, seperti Zuo Bing 作兵, Fang Li 方里, Fang Xiangzhi 方向之, Hei Jin 黑金 dan lain-lain. Rujuk Ma Lun, 1991: 98.

¹⁰ Awal abad ke 20 merupakan suatu jangka masa yang kucar-kacir bagi negeri China. Pada tahun 1911, sungguhpun kerajaan Manchuria digulingkan, namun kekacauan tetap terus berlaku di negeri China seperti peristiwa mogok, piket, peperangan dalaman di antara kerajaan Guomintang 国民党 dengan Parti Komunis yang merumitkan kehidupan penduduk secara umum. Di samping itu, pencerobohan kuasa luar khasnya serangan Jepun telah mengakibatkan kemusnahan yang dahsyat di negeri China. Rujuk Zhang Yufa 张玉法, 1980: 204-205.

Beliau menamatkan persekolahan rendahnya di Sekolah Rendah Li Tek 丽泽 dan kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Chung Ling 钟灵中学. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa tercicir daripada pelajaran kerana diperlukan menolong bapa saudaranya.

Pada awal tahun 1937, iaitu tiga bulan sebelum teretusnya Peristiwa *Lugou Qiao* 卢沟桥,¹¹ beliau pulang ke negeri China. Pada bulan Jun, beliau memasuki tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Huilai 惠来. Setelah tamat pengajiannya pada tahun 1942, beliau memasuki Universiti *Nanhua* 南华¹² pada tahun berikutnya. Namun begitu, beliau tidak sempat menghabiskan pelajarannya kerana bapa saudara yang menanggung perbelanjaan persekolahannya meninggal dunia akibat serangan tentera Jepun di Pulau Pinang. Sekali lagi beliau terpaksa pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1947.

Setelah balik ke Tanah Melayu, beliau memulakan alam pekerjaannya. Beliau menghabiskan masa selama 41 tahun dalam dunia pendidikan sebagai

¹¹ Pada 7 Julai 1937, tentera Jepun mendakwa bahawa seorang askar Jepun telah hilang semasa latihan tentera di *Lugou Qiao*, dan dengan alasan tersebut mereka menyerang bandar di *Lugou Qiao*, akibatnya tercetuslah perang Jepun dengan China.

¹² Sebelum tahun 1942, Universiti ini dikenali sebagai Institut *Nanhua* yang terletak di daerah *Xing Ning* 兴宁. Pada tahun berikutnya, Institut ini telah berpindah ke *Shantou* 山东 dan bertukar nama menjadi Universiti *Nanhua*.

guru. Antara sekolah yang pernah beliau mengajar termasuklah Sekolah Menengah Chong Hua 中华中学 dan Sekolah Menengah Han Jiang 韩江中学 di Pulau Pinang, serta Sekolah Menengah Zhong Hua 中化中学 di Muar.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai ketua jawatankuasa bahasa Cina selama 17 tahun dan pengetua selama tiga tahun di Sekolah Menengah Han Jiang. Selain mengajar, beliau juga pernah menjadi editor selama empat tahun di ruangan sastera *Wenyi gongyuan* 文艺公园 dalam *Sin Pin Ribao* 星报.

Fang Beifang merupakan tokoh sastera Mahua yang unggul. Sejak di bangku sekolah lagi, beliau telah mula menceburkan diri dalam arena sastera. Semasa di Sekolah Menengah Chung Ling, beliau menggunakan nama samaran Fei Zi 非子 dan mula mengarang di suplemen *Xinbao* 新报 serta suplemen *Binfeng* 槟风 dalam *Kwong Wah Ribao* 光华日报.

Semasa beliau melanjutkan pelajaran di negeri China pula, beliau terus giat mengarang. Hasil karyanya disiarkan di suplemen *Nansheng ribao* 南声日报 dan suplemen *Chenxing* 晨星 dalam *Xinghua ribao* 星华日报 di Shantou 山头; suplemen *Jiuwang ribao* 救亡日报 di Hong Kong; majalah *Xinan wenyi* 西南文艺 di Meixian 梅县; dan *Wenyi zhendi* 文艺阵地 di Fuzhou 福州. Semasa perang China-Jepun (1937-1945), beliau pernah menyunting suplemen *Minbao* 民报 di daerah Huilai.

Fang Beifang merupakan penulis yang gigih menulis dan menghasilkan banyak karya. Beliau menghasilkan sebelas buah novel, tujuh buah antologi cerpen, tiga buah antologi prosa, empat buah antologi esei kritikan dan dua buah karya laporan. Jadual 5 menunjukkan hasil karyanya.

Jadual 5: Karya Fang Beifang yang Telah Dibukukan

Tahun	Tajuk	Penerbit
<u>Novel /novela</u>		
1947	<i>Chuntian li de gushi</i> 春天里的故事 (Kisah Dalam Musim Bunga)	Penerbit Xinchao 新潮出版社, Shanghai
1952	<i>Erge zishazhe</i> 二个自杀者 (Dua Orang Pembunuh Diri)	Penerbit Kanghua 康华出版社, Pulau Pinang
1954	娘惹和 娑娑 (Nyonya dan Baba)	Jiaoyu Chubanshe 教育出版社, Singapura.
1957	<i>Chiliang de zaochen</i> 迟亮的早晨 (Subuh Terlewat)	Wenhui Tushu Gongshi 文汇图书公司, Pulau Pinang
1960	<i>Shuohuang shijie</i> 说谎世界 (Dunia Berdusta)	Qingnian Shuju 青年书局, Singapura
1961	<i>Bincheng 72 xiaoshi</i> 槟城 72 小时 (Tujuh Puluh Dua Jam di Pulau Pinang)	Qingnian Shuju 青年书局, Singapura
1962	<i>Shana de zhengwu</i> 刹那的正午 (Tengah hari Sejenak)	Dongfan Wenhua Shiye Gongsi 东方文化事业公司, Singapura
1976	<i>Huanmie de huanghun</i> 幻灭的黄昏 (Senja Yang Lenyap)	Beifang Shuwu 北方书屋 Pulau Pinang
1980	<i>Toujia menxia</i> 头家门下 (Keluarga Taukeh)	Educational Publication Bureau, Singapura
1985	<i>Shu da gen shen</i> 树大根深 (Pokok Berakar Tunjang)	Kersani Penerbit-penerbit Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
1994	<i>Hua piao guo duo</i> 花飘果堕 (Keguguran Bunga Keguguran Buah)	马来西亚华文作家协会 Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia, Kuala Lumpur
<u>Antologi Cerpen</u>		
1952	<i>Chujia de muqing</i> 出嫁的母亲 (Ibu Berkahwin)	Malaiya Chubanshe 马来亚出版社
1959	<i>Sixiang qingjia de ren</i> 思想请假的人	Qingnian Shuju 青年书局, Singapura

	(Orang Yang Cuti Pemikiran)	
1970	<i>Jiang cheng yeyu</i> 江城夜雨 (Malam Taufan di Bandar Jiang)	Beifang Shuwu 北方书屋, Pulau Pinang
1975	<i>Ai wu ji wu</i> 爱屋及乌 (Sayang Sesama Sayang)	Sekolah Menengah Hanjiang 韩江中学, Pulau Pinang
1976	<i>Huo zai nali ranshao</i> 火在那里燃烧 (Api Menjilat)	Dongfang Wenyi Chubanshe 东方文艺出版社
1983	<i>Dao xia lai de tongxiang</i> 倒下来的铜像 (Keruntuhan Patung Tembaga)	Beifang Shuwu 北方书屋, Pulau Pinang
1985	<i>Fang Beifang duanpian xiaoshuoji</i> 方北方短篇小说集 (Antologi Cerpen Fang Beifang)	Beifang Shuwu 北方书屋, Pulau Pinang
<u>Antologi prosa</u>		
1954	<i>Beifang sanji</i> 北方散记 (Esei Beifang)	Xuesheng Wencongshe 学生文丛社
1962	<i>Xiao de shijie</i> 笑的世界 (Dunia Ketawa)	Weimin Gongshi 维明公司, Singapura
1976	<i>Beifang chuncao chi</i> 北方春草迟 (Kelewatan Runput Musim Bunga Utara)	Renhe Chubanshe 仁和出版社, Kuala Lumpur
<u>Antologi esei kritikan</u>		
1981	<i>Mahua wenyi fanlun</i> 马华文艺泛论 (Perbincangan Umum Kesusasteraan Mahua)	马来西亚华文作家协会 Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
1987	<i>Mahua wenxue ji qita</i> 马华文学及其他 (Sastera Mahua dan Sebagainya)	Sanlian Shudian 三联书店 Hong Kong.
1987	<i>Fang Beifang wenyi xiaolun</i> 方北方文艺小论 (Perbincangan Ringkas Kesusasteraan Mahua)	大马福联会及学福建会馆 Gabungan Persatuan Hokkien Malaysia serta Persatuan Hokkien Selangor
1995	<i>Kan mahua wenxue shengji fuhuo</i> 看马华文学生机复活 (Meninjau Penghidupan Kesusasteraan Mahua)	Persatuan Hin Ann, Hulu Langat 乌鲁冷岳兴安会馆
<u>Karya laporan</u>		
1950	<i>Meitian si qianren de gucheng</i> 每天死千人的古城 (Kota Purba Berdarah)	Chidao Chubanshe 赤道出版社, Hong Kong
1984	<i>Mancheng hua zui sanqian ke</i> 满城花醉三千客 (Kota Mabuk)	FEP International Sdn. Bhd, Petaling Jaya

Karya Fang Beifang bukan sahaja diterbitkan oleh penerbit tempatan sahaja, tetapi juga di luar negeri seperti di negeri China. Umpamanya Baowentang Shudian 宝文堂书店 di Beijing 北京 dan Lijiang Chubanshe 漓江出版社 di Guangxi 广西 telah menerbitkan karyanya *Bincheng 72 xiaoshi* dan *Toujia menxia* masing-masing. Penerbit Shanlian Shudian 三联书店 menerbitkan bukunya *Mahua wenxue ji qita* dan Chidao Chubanshe 赤道出版社 pula menerbitkan *Meitian si qianren de gucheng*. Kedua-dua penerbit bertempat di Hong Kong.

Novel Fang boleh dikatakan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan pembaca; beberapa novelnya dicetak berkali-kali. Contohnya, novel *Chiliang de zaochen* pernah diterbitkan sebanyak enam kali, iaitu pada tahun 1957, 1959, 1963, 1965, 1974 dan 1978, dan didapati lebih daripada sepuluh ribu buah keluaran diterbitkan. Selain daripada dibukukan, beberapa karya Fang juga diubahsuaikan menjadi filem contohnya *Nyonya dan Baba* diubahsuai oleh Penerbit Filem Catay 国泰 pada tahun 1956 dan *Toujia menxia* juga diubahsuaikan menjadi drama bersiri oleh Filem Negara Malaysia pada tahun 1984. Novel *Nyonya dan Baba* pula pernah diterjemahkan dalam bahasa Jepun oleh Okutsu Reiko 奥津令子 pada tahun 1985.

Dari segi aktiviti kesusasteraan pula, Fang Beifang boleh dikatakan giat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Jadual 6 dalam muka surat sebelah menunjukkan penglibatan beliau dalam aktiviti kesusasteraan.

JADUAL 6: PENGLIBATAN FANG BEIFANG DALAM AKTIVITI SASTERA

<i>Tahun</i>	<i>Aktiviti</i>
1978-1979	Menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi yang pertama bagi Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
1978-1987	menjadi ahli jemaah Tabung Penerbit Sastera (bahagian novel) Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia
1980-1983	Menyandang jawatan Pengerusi Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
1980	menjadi penal hakim bagi Peraduan Mengarang Cerpen Seluruh Negara, anjuran Kwang Hwa Rit Poh
1981	memberi seminar di Seminar Kesusasteraan Antarabangsa 国际文学研讨会 yang dianjurkan oleh Persatuan Pengkajian Kesusasteraan Singapura 新加坡文艺研究会
1982	memberi syarahan dalam Seminar Sastera Antarabangsa 国际文学讲座 yang dianjurkan oleh lima pertubuhan sastera Kuala Lumpur
1983	menjadi pena hakim Peraduan Novel Seluruh Negara, anjuran Akhbar Tongbao dan Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia
1983	menghadiri Kem Kesusasteraan Sastera Cina Antarabangsa di Singapura 新加坡国际华文文艺营
1984	menghadiri Seminar Kesusasteraan Antara Bangsa 国际文学讲座 di University of Paris, Perancis
1985	menjadi penasihat majalah <i>Xianggang wenxue</i> 香港文学
1986	menghadiri Simposium Kesusasteraan Sastera Cina Seberang Laut 海外华文文学研讨会 di Universiti <i>Shenzhen</i> 深圳大学 di China
1988	menghadiri Konferens Penulis-penulis Cina Asia - kali ketiga 第三届亚洲华文作家会议 di Kuala Lumpur

Dari Jadual 6 nyatalah bahawa Fang Beifang sangat aktif melibatkan diri dalam aktiviti kesusasteraan. Pada tahun 1989, beliau mendapat Anugerah Sastera Mahua, anjuran Dewan Perindustrian dan Perusahaan Cina Kuala Lumpur dan Selangor.

Wei Yun dan Fang Beifang merupakan tokoh sastera KMM. Penglibatan sepenuh mereka telah memperkayakan arena KMM. Mereka berdua berasal dari negeri China dan merantau ke bumi Malaya pada umur belasan tahun. Mereka kemudiannya menjadi warganegara Malaysia selepas kemerdekaan Malaysia. Pertukaran identiti dari anak negeri China menjadi imigran dan seterusnya menjadi anak Malaysia, sedikit sebanyak menyulami nada sendu di kalbu mereka. Kesedaran mereka dicampur-barkan dengan rasa bangga mereka yang berpada, kerana kehidupan mereka di bumi Malaysia adalah seindah khabar khasnya berbanding dengan negari asal mereka. Suara hati mereka yang sedemikian dapat kita menyelami terutamanya dari hasil karya mereka, seperti *Huanxiang yuan* dan *Qiantan* oleh Wei Yun dan *Shu da gen shen* dan *Nyonya dan baba* oleh Fang Beifang. Bab-bab berikut akan membincangkan dengan mendalam tentang novel-novel tersebut